

Kertas Statut 146 Tahun 2025
MALAYSIA

DIBENTANGKAN DALAM DEWAN NEGARA/RAKYAT MENURUT STATUT

AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980

MENURUT seksyen 5 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], Yang di-Pertuan Agong mengarahkan supaya Kertas Statut 95 Tahun 1980 yang bertarikh 19 Ogos 1980 mengenai elaun dan keistimewaan bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dipinda seperti yang berikut:

Pindaan perenggan 11

1. Kertas Statut No. 95 tahun 1980, yang disebut “Kertas Statut ibu” dalam Kertas Statut ini, dipinda dalam Perenggan 11(*a*) dengan memasukkan selepas perkataan “perjalanan rasmi” perkataan “yang termasuk lawatan ke negeri atau kawasan pilihan raya,”.

Pindaan perenggan 14

2. Perenggan 14 Kertas Statut ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sebelum pergi ke luar Malaysia atau selewat-lewatnya satu bulan selepas balik ke Malaysia.” dengan perkataan “sebelum menghadiri sesuatu tugas rasmi di luar Malaysia atau selewat-lewatnya tiga bulan selepas balik ke Malaysia.”.

Pindaan perenggan 16

3. Perenggan 16 Kertas Statut ibu dipinda—

(*a*) dalam subperenggan (*a*), dengan menggantikan perkataan “RM120” dengan perkataan “RM170”; dan

- (b) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “RM150” dengan perkataan “RM200”.

Pindaan perenggan 27D

4. Perenggan 27D Kertas Statut ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “KEMUDAHAN PERSONAL DATA ASSISTANT (PDA)” dengan perkataan “KEMUDAHAN ALAT TELEKOMUNIKASI SELAIN DARIPADA TELEFON BIMBIT”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Personal Data Assistant (PDA)” dengan perkataan “alat telekomunikasi selain daripada telefon bimbit”.

Perenggan 28 baharu

5. Kertas Statut ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 27E perenggan 28 baharu yang berikut:

“28. PERKHIDMATAN PEGAWAI PENGIRING TRAFIK DAN PEGAWAI PENGIRING

Yang di-Pertua layak diperuntukkan perkhidmatan seorang pegawai pengiring trafik dan seorang pegawai pengiring berserta aset bagi maksud menjalankan tugasnya. Pegawai pengiring trafik dan pegawai pengiring itu layak dibayar pada kadar dan syarat pegawai polis yang mengiringi pembesar berdasarkan pada Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang berkuat kuasa termasuk bayaran untuk perjalanan mengiringi pergi balik negeri atau kawasan pilihan raya.”.

6. Arahan-arahan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 28 Ogos 2025.

Dibuat 21 Ogos 2025

[PAR.100-2/PUU/D/2 (7)]

Dengan Titah Perintah Baginda

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Perdana Menteri

[Hendaklah dibentangkan di hadapan tiap-tiap satu Majlis Parlimen menurut seksyen 5 Akta Parlimen (Saraan) 1980]

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) ACT 1980

PURSUANT to section 5 of the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 [*Act 237*], the Yang di-Pertuan Agong directs that Statute Paper No. 95 of 1980 dated 19 August 1980 as regards to the allowances and privileges of the President of the Senate and Speaker of the House of Representatives be amended as follows:

Amendment of paragraph 11

1. Statute Paper No. 95 of 1980, which is referred to as the “principal Statute Paper” in this Statute Paper, is amended in paragraph 11(*a*) by inserting after the word “official duty” the word “which include visits to their states or parliamentary constituencies,”.

Amendment of paragraph 14

2. Paragraph 14 of the principal Statute Paper is amended by substituting the word “before leaving Malaysia or at the latest one month after returning to Malaysia.” with the word “before attending official duty outside of Malaysia or at the latest three months after returning to Malaysia.”.

Amendment of paragraph 16

3. Paragraph 16 of the principal Statute Paper is amended—

(*a*) in subparagraph (*a*), by substituting for the word “RM120” with the word “RM170”;
and

(*b*) in subparagraph (*b*), by substituting for the word “RM150” with the word “RM200”.

Amendment of paragraph 27D

4. Paragraph 27D of the principal Statute Paper is amended—

(a) in the shoulder note, by substituting for the word “PERSONAL DATA ASSISTANT (PDA)” with the word “TELECOMMUNICATION DEVICE OTHER THAN HAND PHONE”;
and

(b) by substituting for the word “Personal Data Assistant (PDA)” with the word “telecommunication device other than hand phone”.

New paragraph 28

5. Principal Statute Paper is amended by inserting after paragraph 27E the new paragraph 28 as follow:

“28. TRAFFIC ESCORT OFFICER AND ESCORT OFFICER SERVICES

The President or the Speaker is eligible to be allocated with a traffic escort officer and an escort officer with assets for the purpose of carrying out their duty. The traffic escort officer and escort officer are eligible to be paid at the rate and conditions of a police officer who escort officials based on the Treasury Instructions and circular in force including payment for escorting the return trip to states or the parliamentary constituencies.”.

6. This Direction shall be deemed to have come into operation on 28 August 2025.

Made 21 August 2025
[PAR.100-2/PUU/D/2 (7)]

By His Majesty's Command

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Prime Minister

*[Shall be laid before each House of Parliament pursuant to section 5 of the
Members of Parliament (Remuneration) Act 1980]*